

English Version	Online Privacy Policy of CyberSecurity Malaysia
Versi Bahasa Melayu	Dasar Privasi Dalam Talian CyberSecurity Malaysia

Online Privacy Policy of CyberSecurity Malaysia

Introduction

CyberSecurity Malaysia (Company Registration No:726630-U) ("CSM" or "we" or "us") is a Government Agency under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).

This Privacy Policy explains how we respect your right and protect the privacy of your personal data entrusted to us in accordance with the provisions of the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA) 2010.

Collection of personal data

CSM do not capture data to identify you individually when you only browse this website. CSM do not collect and process your personal data, except the data you provide to us voluntarily through e-mail and/or online form(s), which shall be deemed consented.

Use of personal data

CSM do not process and use your personal data provided by you for any purpose other than the purpose it was obtained. However, your data, after making it anonymous, may be used for research and statistical purposes to improve our services and to make the content of this website more user friendly.

CSM shall treat all your personal data 'strictly confidential' and do not use it for commercial purpose. CSM do not share, disclose or sell your personal data to any third party without your prior consent or unless it is required by the provisions of law or to give effect to the order of any Court of law.

If the data provided by you is required to be used for a purpose other than it was obtained, we shall seek your fresh consent and until such consent is received, we shall not proceed to use such data for another purpose other than the purpose it was collected. We shall not discriminate or victimize you for such refusal in granting the fresh consent.

Access to and correction of personal data

We shall take reasonable steps to ensure your personal data is accurate, complete, not misleading and kept up-to-date. Under the PDPA 2010, you have the right to access, correct, limit or update your personal data entrusted with us. If you wish to exercise such rights and request access to your personal data, please contact us.

Retention of personal data

CSM shall not retain the personal data provided by you for a period longer than necessary for the fulfillment of the purpose. Once the purpose of collection of your personal data is served, we shall destroy permanently the data entrusted to us in a way which cannot be recovered.

Security of personal data

Protection of your personal data entrusted to us receives highest attention. To safeguard your personal data, we shall take all reasonable effort or steps to secure all electronic database and transmission of the personal data with appropriate security technologies so that such data can be protected from any loss, misuse, modification, unauthorized, or accidental access or disclosure, alteration, or destruction and falsification.

Withdrawal of consent

You have the right to withdraw your consent for the processing, use and/or disclosure of your personal data entrusted to us at any time after consent has been granted by you to us.

Use of cookies and technical information

Our website does not use cookies, except temporary "session" cookies which assist a visitor's web browser to track the pages already visited. Visitors can fully use the content of this website even after the temporary cookies are disabled from the web browser.

Relationship with third party web links

This site may contain web links of other organisations that may follow data protection and privacy practices of their own and which may be different from us. We are not responsible for the content and privacy practices of such other websites and encourage you to consult the privacy notices of those sites at your own choice and risk.

Amendment to this privacy policy

We reserve the right to amend our Privacy Policy from time to time in accordance with applicable law and regulations and such variation may be applicable to you. The latest version of the Privacy Policy will be made available to you in this website. Do visit our website from time to time for updates on our Privacy Policy.

Questions or Comments :

If you, at any time have any query on this Privacy Policy or any other query in relation to how we manage, protect and/or process your personal data entrusted to us please do not hesitate to contact our Data Protection Officer (the "DPO") at 03-89926822 or email to solahuddin@cybersecurity.my

Dasar Privasi Dalam Talian CyberSecurity Malaysia

Pengenalan

CyberSecurity Malaysia (Nombor Pendaftaran Syarikat:726630-U) ("CSM" atau "kami") ialah Agensi Kerajaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Dasar Privasi ini menerangkan tentang cara kami menghormati hak anda dan melindungi privasi data peribadi anda yang telah dipertanggungjawabkan kepada kami selaras dengan peruntukan yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010.

Pengumpulan data peribadi

CSM tidak merekodkan data untuk mengenal pasti anda secara individu apabila anda sekadar menyemak imbas tapak web ini. CSM tidak mengumpul dan memproses data peribadi anda, melainkan data yang telah anda serahkan kepada kami secara sukarela melalui e-mel dan/atau borang dalam talian yang dianggap sebagai mendapat keizinan daripada anda.

Penggunaan data peribadi

CSM tidak memproses dan menggunakan data peribadi anda yang diserahkan oleh anda untuk sebarang tujuan selain tujuan asal pemerolehan data peribadi itu dibuat. Walau bagaimanapun, selepas data anda dijadikan awanama, data tersebut mungkin digunakan bagi tujuan penyelidikan dan statistik untuk meningkatkan perkhidmatan kami dan agar kandungan tapak web ini lebih mesra pengguna.

CSM akan mengendalikan data peribadi anda secara 'sulit sepenuhnya' dan tidak menggunakan bagi tujuan komersial. CSM tidak berkongsi, mendedahkan atau menjual data peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga tanpa keizinan secara bertulis daripada anda atau melainkan perkara tersebut diperlukan di bawah peruntukan undang-undang atau sebagai mematuhi perintah daripada mana-mana Mahkamah.

Jika data yang diserahkan oleh anda perlu digunakan bagi tujuan yang selain tujuan asal pemerolehan data peribadi itu dibuat, kami akan mendapatkan keizinan secara bertulis yang baharu daripada anda dan kami tidak akan meneruskan penggunaan data tersebut bagi tujuan yang selain tujuan asal data peribadi itu dikumpulkan sehinggalah keizinan secara bertulis yang baharu itu telah kami terima. Kami tidak akan mendiskriminasi atau menjadikan anda mangsa sekiranya anda enggan memberikan keizinan yang baharu secara bertulis.

Akses kepada data peribadi dan pembetulan terhadap data peribadi

Kami akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan data peribadi anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa terkini. Di bawah PDPA 2010, anda berhak mengakses, membetulkan, mengehadkan atau mengemas kini data peribadi anda yang telah dipertanggungjawabkan kepada kami. Sila hubungi kami jika anda ingin menggunakan hak tersebut dan meminta akses kepada data peribadi anda.

Pengekalan data peribadi

CSM tidak akan menyimpan data peribadi yang diserahkan oleh anda bagi tempoh yang lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan asalnya. Sebaik sahaja tujuan asal pengumpulan data peribadi anda telah dipenuhi, kami akan memusnahkan buat selama-lamanya data yang telah dipertanggungjawabkan kepada kami dengan cara yang menyebabkan data itu tidak akan dapat dipulihkan.

Keselamatan data peribadi

Kami memberi perhatian yang paling utama terhadap perlindungan data peribadi anda yang telah dipertanggungjawabkan kepada kami. Untuk melindungi data peribadi anda, kami akan berikhtiar dan mengambil semua langkah yang munasabah bagi melindungi data peribadi dalam semua pangkalan data dan penghantaran secara elektronik dengan menggunakan teknologi keselamatan yang sesuai agar data tersebut dapat dilindungi daripada sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau secara tidak sengaja, pemindaan atau pemusnahan dan pemalsuan.

Penarikan balik keizinan

Anda berhak menarik balik keizinan anda terhadap pemprosesan, penggunaan dan/atau pendedahan data peribadi anda yang telah dipertanggungjawabkan kepada kami pada bila-bila masa selepas keizinan itu diberikan oleh anda kepada kami.

Penggunaan kuki dan maklumat teknikal

Tapak web kami tidak menggunakan kuki, kecuali kuki "sesi" sementara yang membantu pelawat tapak web menjelaki halaman yang telah pun dilawati. Pelawat boleh menggunakan

kandungan tapak web ini dengan sepenuhnya walaupun setelah kuki sementara dinyahdayakan daripada penyemak imbas web.

Hubungan dengan pautan web pihak ketiga

Tapak ini mungkin mengandungi pautan web organisasi lain yang mungkin mematuhi amalan perlindungan data dan privasi masing-masing serta mungkin berbeza daripada yang diamalkan oleh kami. Kami tidak bertanggungjawab terhadap kandungan dan amalan privasi tapak web tersebut. Anda digalakkan agar merujuk notis privasi yang terdapat pada tapak tersebut dan bertanggungjawab terhadap pilihan dan risiko yang diambil.

Pindaan terhadap dasar privasi ini

Kami berhak meminda Dasar Privasi kami dari semasa ke semasa selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan dan perubahan tersebut mungkin terpakai ke atas anda. Versi terkini Dasar Privasi akan disediakan kepada anda di tapak web ini. Layari tapak web kami dari semasa ke semasa untuk mendapatkan maklumat terkini tentang Dasar Privasi kami.

Soalan atau Ulasan :

Sekiranya pada bila-bila masa anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan Dasar Privasi ini atau sebarang pertanyaan lain berhubung dengan cara kami mengurus, melindungi dan/atau memproses data peribadi anda yang telah dipertanggungjawabkan kepada kami, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data ("DPO") kami di talian 03- 03-89926822 atau kirimkan e-mel ke alamat solahuddin@cybersecurity.my